

Kempen Pelan Pembayaran Easi 0% Faedah untuk Pendidikan, Perubatan dan Pembelian Mewah
Kad Visa Infinite UOBM
Terma & Syarat

Kelayakan Kempen

1. Kempen “**Pelan Pembayaran Easi 0% Faedah untuk Pendidikan, Perubatan dan Pembelian Mewah**” United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) (“UOBM”) (“Kempen”) ini terbuka kepada semua Ahli Kad utama dan tambahan Visa Infinite UOBM (“Ahli Kad”) yang mempunyai akaun semasa, sah, dan wujud dalam kedudukan kredit yang baik sebagaimana yang ditentukan oleh UOBM atas budi bicara mutlaknya.
2. Hanya Kad Visa Infinite UOBM yang dikeluarkan di Malaysia sahaja layak untuk kempen ini.
3. Berikut adalah mereka yang tidak layak untuk Kempen ini:-
 - (a) Ahli Kad yang akaun(-akaun)nya telah ditamatkan, digantung atau dibatalkan dalam tempoh kempen;
 - (b) Semua ahli kad Kredit dan Debit UOBM yang tidak memegang Kad Visa Infinite UOBM;
 - (c) Akaun dengan UOBM yang tertunggak atau dalam keadaan kredit yang tidak memuaskan yang ditentukan oleh UOBM dengan budi bicara mutlaknya; dan
 - (d) Mereka yang tidak siuman, telah meninggal dunia, bankrap atau mereka yang mempunyai sebarang prosiding undang-undang yang dikenakan terhadap mereka.

Tempoh Kempen

4. Kempen ini bermula pada **1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2019** (termasuk kedua – dua tarikh) (“Tempoh Kempen”) kecuali diberitahu sebaliknya.

Mekanisme Kempen

5. Dalam Tempoh Kempen, sebarang perbelanjaan yang **berjumlah minimum Sepuluh Ribu Ringgit Malaysia (RM10,000.00)** dalam **satu leretan** yang dibuat dengan Kad Visa Infinite atas **Pendidikan, Perubatan dan Pembelian Mewah** (“**Perbelanjaan Layak**”) akan layak untuk menyertai kempen ini. Untuk mengelakkan keraguan, Perbelanjaan Layak mesti dikategorikan dalam Kod Kategori Pedagang (**MCC**) yang dinyatakan dalam Jadual A di bawah dan mesti ditangkap dalam sistem kad kredit yang dikekalkan oleh UOBM.

Jadual A

Kategori Perbelanjaan	MCC	Keterangan
Pendidikan	8211	<i>Sekolah Rendah dan Menengah</i>
	8241	<i>Correspondence Schools</i>
	8244	<i>Business and Secretarial Schools</i>
	8220	<i>Colleges, Universities, Professional Schools, and Junior Colleges</i>
	8249	<i>Vocational and Trade Schools</i>
	8299	<i>Schools and Educational Services</i>

Kategori Perbelanjaan	MCC	Keterangan
Perubatan	8011	<i>Doctors Physicians</i>
	8021	<i>Dentists & Orthodontists</i>
	8031	<i>Osteopaths</i>
	8041	<i>Chiropractors</i>
	8042	<i>Optometrists & Ophthalmologists</i>
	8049	<i>Chiropodists & Podiatrists</i>
	8050	<i>Nursing & Personal Care Facilities</i>
	8062	<i>Hospitals</i>
	8071	<i>Medical & Dental Labs</i>
	8099	<i>Medical Services and Health Practitioners</i>
Pembelian Mewah	5611	<i>Accessories – Men’s, Boys’ Clothing</i>
	5621	<i>Clothing – Women’s Ready-To-Wear Stores</i>
	5631	<i>Accessories – Women’s Accessory, Specialty Shops</i>
	5641	<i>Clothing – Children’s, Infants’ Wear Stores</i>
	5651	<i>Clothing – Family Clothing Stores</i>
	5691	<i>Clothing – Men’s, Women’s Clothing Stores</i>
	5699	<i>Accessory Shops (Not Elsewhere Classified)</i>
	5661	<i>Footwear Stores</i>
	5944	<i>Gems, Precious Metals, Jewelry</i>

6. Perbelanjaan Layak tidak termasuk yang berikutnya:
 - (a) Pendahuluan Tunai
 - (b) Pemindahan Baki
 - (c) Pelan Flexi-Credit
 - (d) Caj Kewangan
 - (e) Caj Lewat
 - (f) Yuran Tahunan
 - (g) Pecahan transaksi dan / atau tidak sah
 - (h) Penarikbalikan atau bayaran balik
 - (i) Cukai Barang dan Perkhidmatan
 - (j) Urusniaga lain yang ditentukan UOBM
7. Ahli Kad yang memenuhi Perbelanjaan Layak yang disebut dalam Fasal 5 di atas layak untuk memohon Pelan Pembayaran Easi 12 bulan tanpa pengenaan faedah pendahuluan (“EPP”).
8. Ahli Kad boleh membuat permohonan EPP dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh transaksi Perbelanjaan Layak atau sebelum 31 Disember 2019, yang mana lebih awal dengan menghubungi Pusat Panggilan UOBM di 03-26128121.
9. Transaksi layak untuk EPP jika Perbelanjaan Layak:
 - (a) telah didebitkan ke Akaun Kad Kredit;
 - (b) pembelian telah direkodkan dalam Penyata semasa yang merupakan sebahagian daripada baki tertunggak semasa yang perlu dibayar; dan

- (c) tidak melepas tarikh matang pembayaran pada masa permohonan.
10. UOBM berhak untuk meluluskan atau menolak sebarang permohonan EPP dari Ahli Kad tanpa memberi sebarang sebab untuk keputusan tersebut, dan/ atau menentukan amaun yang dibenarkan di bawah Kempen ini pada budi bicara mutlaknya, dan tertakluk, kepada
- (a) status Akaun Kad Kredit Ahli Kad; dan
 - (b) had Kredit sedia ada dalam Kad Kredit (“Had Kredit”)
11. Setelah permohonan EPP diluluskan, jumlah amaun yang bersamaan dengan Perbelanjaan Layak akan diperuntukan untuk tujuan ini, dan baki Had Kredit sedia ada akan dikurangkan sewajarnya. UOBM tidak akan bertanggungjawab kepada Ahli Kad untuk sebarang transaksi yang ditolak oleh pedagang disebabkan oleh akibat Had Kredit Ahli Kad yang tidak mencukupi.
12. Berhubungan dengan EPP yang telah diluluskan, tiada faedah lanjutan akan dicajkan jika amaun ansuran bulanan dibayar dengan penuh sebelum tarikh tempoh pembayaran yang dinyatakan dalam penyata bulanan. Jika tidak, fi dan caj akan dikenakan berdasarkan pada Klausus 11 Perjanjian Ahli Kad mengikut amaun yang tertunggak.
13. Semasa tempoh pembayaran balik, pembayaran akan dibayar secara ansuran sama rata (“Bayaran Ansuran”). Bayaran Ansuran akan didebitkan dengan serta-merta kepada Akaun Kad Kredit mengikut kelulusan permohonan, dan akan dinyatakan dalam Penyata bulanan yang berikut. Pembayaran perlu dijelaskan mengikut Perjanjian Ahli Kad. Setiap Bayaran Ansuran yang dibayar balik, amaun yang bersamaan dengan Bayaran Ansuran akan dikembalikan kepada Had Kredit Ahli Kad.
14. Bayaran Ansuran akan dikira berdasarkan jumlah transaksi dan dibahagikan mengikut bulan tempoh EPP, iaitu dua belas (12) bulan. Jika berlaku keingkaran, keseluruhan amaun transaksi mesti dibayar dengan serta-merta selaras dengan Perjanjian Ahli Kad.
15. Bayaran Ansuran adalah termasuk dalam pengiraan jumlah minimum yang perlu dibayar oleh Ahli Kad. Jika Bayaran Ansuran tidak dibayar sepenuhnya apabila perlu dibayar, baki Bayaran Ansuran yang tidak dibayar akan dikenakan faedah selaras dengan Perjanjian Ahli Kad.
16. Ahli Kad boleh membatalkan penyertaannya dalam Kempen ini tertakluk kepada penerimaan notis bertulis atau lisan oleh UOBM dan fi pembatalan RM50 (atau pada kadar lain yang ditentukan oleh UOBM). Jumlah tersebut akan didebitkan pada akaun Kad Kredit Ahli Kad.
17. Ahli Kad boleh memohon untuk EPP ini lebih daripada sekali, tertakluk kepada kelayakan Ahli Kad di bawah terma dan syarat dalam dokumen ini dan pada budi bicara mutlak UOBM untuk meluluskan.
18. Jika mana-mana atau kombinasi yang berikut berlaku, jumlah tertunggak di bawah EPP adalah perlu dan patut dibayar dengan serta-merta, akan menanggung pembiayaan dan caj pembayaran lewat yang diguna pakai (yang mana berkenaan) seperti Klausus 11 Perjanjian Ahli Kad, dan akan perlu dibayar selaras dengan Perjanjian Ahli Kad:
- (a) terdapat pelanggaran mana-mana terma dan syarat dalam dokumen ini;
 - (b) satu peristiwa keingkaran berlaku menurut Perjanjian Ahli Kad;

- (c) terdapat kelewatan atau kegagalan untuk membayar Bayaran Ansuran atau sebarang jumlah yang perlu dibayar di bawah EPP;
- (d) terdapat suatu kegagalan untuk membayar sebarang wang kepada UOBM pada tarikh matang sebarang kemudahan perbankan/ kredit;
- (e) kegagalan untuk melepaskan sebarang tanggungjawab atau liabiliti pembayaran dari masa ke semasa kepada UOBM atau untuk sebarang kemudahan perbankan/kredit;
- (f) kempen ini ditamatkan untuk apa-apa sebab sekalipun;
- (g) Kad Visa Infinite ditamatkan atau akaun Kad Visa Infinite ditutup untuk apa-apa sebab sekalipun sebelum penyelesaian penuh semua amaun terhutang kepada UOBM di bawah Kad Visa Infinite/ akaun Kad Visa Infinite; atau
- (h) telah menjadi mustahil atau menyalahi undang-undang bagi UOBM untuk menyediakan atau terus menyediakan EPP.

Peristiwa di atas juga akan memberi hak kepada UOBM untuk membatalkan, menarik balik, menggantung atau menyekat penggunaan Kad Visa Infinite, dan untuk menggabungkan semua amaun tertunggak ke dalam Akaun Kad Visa Infinite utama (jika berkenaan).

TERMA DAN SYARAT AM UOBM

- 19. Dengan menyertai Kempen ini, Ahli Kad bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini, terma dan syarat di dalam Perjanjian Ahli Kad.
- 20. UOBM tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi jualan oleh Visa International Incorporated, MasterCard Worldwide, pertubuhan pedagang, pihak pos atau telekomunikasi yang berkuasa atau mana-mana pihak lain yang mungkin menjelaskan kelayakan Ahli Kad untuk Kempen dan/ atau EPP ini.
- 21. Keputusan UOBM ke atas semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat. UOBM tidak akan bertanggungjawab untuk memberikan apa-apa sebab atau membuat apa-apa surat-menyurat dengan mana-mana orang apa-apa perkara yang berkaitan dengan Kempen. Tiada sebarang rayuan atau surat-menyurat dari mana-mana Ahli Kad akan dilayan.
- 22. UOBM tidak bertanggungjawab untuk sebarang salah tafsir atau salah nyataan fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan berhubung dengan Kempen dan / atau EPP yang ditawarkan dan diterbitkan dalam mana-mana media, bahan pemasaran atau pengiklanan.
- 23. UOBM tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menanggung sebarang liabiliti dalam apa jua bentuk dan bagaimanapun timbul atau dialami oleh Ahli Kad dan/ atau pihak ketiga yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen dan EPP.
- 24. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOBM dengan nyata mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, waranti atau pengendorsan, tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa had kepada mereka diterbitkan dalam mana-mana media, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada , apa-apa jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan dengan Kempen ini dan EPP dalam Kempen ini.

25. Sekiranya berlaku apa-apa percanggahan antara terma dan syarat ini dengan sebarang pengiklanan, kempen, publisiti dan bahan-bahan lain yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat ini akan diguna pakai.
26. UOBM berhak untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah terma dan syarat Kempen ini, dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagian, mengikut budi bicara mutlaknya, dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad melalui paparan di laman web UOBM, memaparkan notis di mana-mana cawangan UOBM dan/atau memasukkan pernyataan dalam penyata Akaun, dan apa-apa cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh UOBM dari masa ke semasa.
27. UOBM berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini sebelum tamat Tempoh Kempen, secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa dengan member notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penarikan balik, penggantungan, perlanjutan atau penamatan Kempen oleh UOBM tidak melayakkan Ahli Kad untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap UOBM untuk sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Ahli Kad sama ada sebagai langsung atau akibat tidak langsung dari apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan, perlanjutan atau penamatan.
28. Terma dan syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.

-TAMAT-